

# Rawatan eksotik ikan, lintah

BM 22/6/08 m/s 8

**A**PABILA disebut spa, pasti yang tergambar pada fikiran kita ialah satu tempat untuk merawat dan menenangkan badan dan jiwa. Kebelakangan ini, teknik rawatan spa alternatif iaitu jenis rawatan yang berbeza daripada teknik perawatan kecantikan dan pemulihan biasa semakin banyak diperkenalkan bagi memberi kepelbagaian kepada pengguna.

Yang terbaru ialah spa ikan atau *fish spa*. Namun, jangan salah anggap, bukannya ikan yang pergi ke pusat rawatan kecantikan sebaliknya ikan digunakan sebagai kaedah merawat atau melegakan.

Bagaimana ia berfungsi dan apakah faedah rawatan spa ikan ini? Geli, takut? Itu baru spa ikan, bagaimana pula dengan rawatan menggunakan lintah? Sanggupkah anda melakukannya?

Bagi berkongsi cerita dan pengalaman, *Keluarga di 9* (KD9) bersama hos, Datin Norjuma Habib Mohamed, menjemput Eksekutif Jualan dan Pemasaran Kenko Reflexology & Fish Spa, Veron Wong dan pengamal perubatan alternatif

## Garra Rufa berasal dari Turki memakan sel-sel mati pada kulit manakala lintah menghisap darah toksik

menggunakan lintah, Harun Othman.

Wong berkata, ikan yang dipanggil Garra Rufa juga dikenali sebagai 'doktor ikan' ini berasal dari Turki. Ia merawat dengan memakan sel-sel mati pada kulit serta penyakit berkaitan kulit seperti ekzema dan psoriasis.

Mungkin bagi mereka kali pertama mencuba berasa berdebar-debar dan geli kala ikan ini mengerumuni kaki atau bahagian badan yang direndam di dalam kolam tetapi lama-kelamaan kita berasa relaks dan cukup mengujakan!

Selain memakan sel kulit mati dan merawat beberapa penyakit kulit, spa ikan ini turut merawat mereka yang berkulit kering dan kasar, selain boleh merawat mereka yang menghadapi masalah jerawat.

Bahkan dengan meluangkan masa selama setengah jam di spa ikan ini, pasti menenangkan fikiran sambil melihat ikan-ikan ini asyik 'menggigit' anggota badan yang disuakan.

Bagi rawatan lebih berkesan, Wong menyarankan dua rawatan seminggu dan ia juga selamat untuk kanak-kanak.

Harun pula berkata, sejak mengamalkan rawatan alternatif menggunakan lintah, ramai pesakit terutama penghidap kencing manis dan migrain memilih rawatan ini.

Untuk maklumat, orang Eropah pada abad ke-18 menggunakan lintah menghisap darah toksik dan kaedah ini masih digunakan di sesetengah tempat di negara Barat. Malah, lintah juga digunakan sebagai satu cara rawatan berbekam

untuk menyedut darah kotor di badan. Di Jepun teknik ini dipanggil teknik Hirudo.

Sebenarnya, penggunaan lintah dalam rawatan perubatan adalah satu daripada sejarah perubatan paling lama direkodkan. Penyelidik dan pakar bedah sangat tertarik dengan kelebihan terapi lintah sebagai aplikasi untuk memulihkan pengaliran darah selepas menjalani pembedahan kosmetik.

Harun berkata, walaupun ramai yang gerun atau geli geleman melihat lintah tetapi kebaikan lintah ini tidak boleh dinafikan. Air liur lintah mengandungi bahan bius, bahan anti pembekuan darah dan bahan antibiotik yang berkesan.

Lintah juga mempunyai sejenis bakteria yang dinamakan aeromonan hydrophila. Bakteria ini digunakan lintah untuk mencerna darah dan menghasilkan bahan antibiotik untuk membunuh bakteria lain yang mungkin menyebabkan pembekuan.

Lintah diletakkan pada bahagian tertentu badan pesakit dan berapa ekor lintah yang diletakkan bergantung


kepada tahap keseriusan setiap penyakit.

Lintah ini akan dibiarkan menghisap darah dan akan jatuh dengan sendirinya selepas kenyang. Ketika merawat, Harun menggunakan dua jenis lintah iaitu lintah yang dibela dan liar.

Untuk rawatan lebih berkesan, Harun menyarankan rawatan dibuat sekali atau dua kali seminggu. Selain kaki dan tangan, lintah juga boleh diletakkan pada bahagian muka untuk merawat jerawat dan migrain.

Harun berkata, gigitan lintah tidak menyakitkan kerana ia mempunyai bahan bius tetapi kesan gigitannya boleh menyebabkan kegatalan namun untuk sementara waktu saja. Kelebihan rawatan lintah ini juga ia boleh menormalkan dan membaik pulih kitaran kapilari, kesan anti inflamasi yang cepat dan melegakan tekanan.

*Keluarga Di 9* adalah rancangan bual bicara disiarkan secara langsung setiap Isnin hingga Khamis, dari jam 1 hingga 2 petang dan dikendalikan Farah Adeeba Mohd Ashraf, Norjuma, Benji dan Nora.



“Sejak mengamalkan rawatan alternatif menggunakan lintah, ramai pesakit terutama penghidap kencing manis dan migrain memilih rawatan ini”